

Headline	Pentas mencungkil bakat baru		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	15 Sep 2013	Language	Malay
Circulation	314,321	Readership	1,964,000
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	22	ArticleSize	363 cm ²
AdValue	RM 13,406	PR Value	RM 40,219



Oleh RUDY IMRAN
SHAMSUDIN
imran@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Hampir 500 orang mencuba nasib dengan menghadiri sesi uji bakat program realiti TV terbaru, Projek Metro yang mencungkil kemampuan mereka berminat menjadi personaliti televisyen, penyampai radio dan kolumnis.

Sesi uji bakat yang diadakan di Balai Berita NSTP, Bangsar di sini, semalam adalah projek usaha sama antara Harian Metro bersama tiga lagi organisasi media di bawah payung Media Prima iaitu TV3, radio Hot FM dan TONTON.

Setiap peserta yang menghadiri uji bakat dinilai juri tetap iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Radio Media Prima Seelan Paul, Penerbit Eksekutif Projek Metro yang juga Pengarang Hiburan Harian Metro Roslen Fadzil, penyampai Hot FM dan kolumnis Harian Metro Fara Fauzana serta pelakon dan penulis tetap ruangan di Berita Harian (BH) Fasha Sandha.

Ditemui pada sesi uji bakat semalam, Seelan berkata,



SEBAHAGIAN peserta menunggu giliran pada sesi uji bakat Projek Metro di Theatre Anjung Riong, Balai Berita Jalan Riong.

Pentas mencungkil bakat baru

500 orang hadir ke sesi uji bakat realiti TV, Projek M Metro

program realiti Projek Metro yang bakal disiarkan Oktober depan mencari peserta yang boleh dibentuk dan memiliki karisma, kredibiliti dan profesional dalam tiga bidang terbabit.

"Program ini sebenarnya dihasilkan atas inisiatif Ha-

rian Metro serta disokong TV3, Hot FM dan TONTON. Ia diharap dapat menjadi pentas untuk mencungkil bakat dalam tiga bidang iaitu pengacara, penyampai radio dan penulis di akhbar nombor satu ini.

"Mengejutkan apabila kebanyakan mereka yang hadir pada hari ini ialah wajah baru dan tidak pernah menghadiri mana-mana sesi uji bakat program seperti Projek Metro.

"Ternyata sebahagian besar mereka memiliki bakat.

Saya pasti pihak juri tetap yang juga digelar mentor akan pening untuk memilih peserta yang dirasakan layak," katanya.

Fara pula yang mempunyai pengalaman luas dalam ketiga-tiga bidang ini iaitu pengacara, penyampai radio dan kolumnis Harian Metro menjelaskan, dia tertarik dengan beberapa peserta yang hadir uji bakat kerana memiliki tahap keyakinan tinggi. Ada peserta berhijab menjadi calon kegemarannya.

"Kebanyakan peserta yang hadir andai diasah bakatnya mampu menjadi pengacara versatil. Malah, tidak dinafikan satu hari mereka yang terpilih menyertai rancangan Projek M Metro mampu menjadi penyampai dan pengacara jauh lebih baik berbanding saya," katanya.

Fasha yang teruja dipilih menjadi juri tetap menjelaskan, kebanyakan mereka berdepan juri benar-benar berbakat, apatah lagi sebahagian besar mereka yang masuk di dalam bilik uji bakat sudah tapis. Cuma ada antara mereka gugup apabila berhadapan dengan juri.

Seorang peserta Chew Chee Yan, 23, dari Subang

Jaya berkata dia menghadiri sesi uji bakat untuk membina kerjaya dalam bidang pengacaraan.

Tambahan pula dia yang fasih berbahasa Melayu baru menamatkan pengajian dalam bidang komunikasi daripada Universiti Utara Malaysia (UUM).

"Sewaktu hadir di sesi uji bakat ini saya harap dapat mengembangkan bakat dalam bidang pengacaraan, tapi bagusnya Projek Metro, ia turut mencungkil bakat peserta terpilih dalam bidang penyampai radio dan penulisan di akhbar. Diharapkan ia turut akan membentuk kemampuan saya dalam bidang lain juga," katanya.

Norhafizah Mat Saat, 23, dari Johor Bahru dan mempunyai kelulusan dalam bidang sains tumbuhan pula menjelaskan, dia mengharapkan bakat petah berbicara dimiliki dapat dibentuk jika terpilih sebagai peserta Projek Metro.

Sesi uji bakat selama sehari ini akan menghimpunkan sembilan peserta perempuan dan lelaki. Selain menerima hadiah wang tunai lumayan, pemenang juga bakal menerima kontrak berkhidmat dengan Media Prima.